

01/12/1997

Peniaga naik harga barang tidak patriotik (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan peniaga yang menaikkan harga barangan ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi sebagai golongan yang tidak patriotik dan sama taraf dengan orang yang mensabotaj ekonomi negara.

Sambil merujuk kepada kenaikan harga minyak masak pada masa ini, Perdana Menteri berkata, Kabinet akan membincangkan masalah kenaikan harga barangan itu pada mesyuarat minggunya Rabu ini kerana kerajaan ingin tahu mengapa peniaga ingkar kepada arahan supaya harga minyak masak tidak dinaikkan.

"Saya amat sedih kerana tidak ada langsung perasaan patriotisme kepada negara. Tidak ada sedikit pun mahu membantu mengatasi masalah negara.

"Mereka nampak untung yang banyak bagi diri mereka kerana kos mereka tidak naik di dalam negeri, sebaliknya mereka dapat menjual (eksport) pada harga lebih tinggi dalam mata wang ringgit kerana menjualnya dalam mata wang dolar (Amerika Syarikat).

"Kita akan bincang dalam Kabinet kenapa mereka ingkar, sedangkan kerajaan tidak memberi dia naik harga... dia naik juga. Kita mungkin ambil tindakan tegas terhadap mereka kerana mereka ini sama dengan orang yang sabotaj ekonomi negara," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Dr Mahathir berkata, tidak ada sebab kerajaan patut membenarkan harga minyak masak dinaikkan kerana ia keluaran tempatan, malah pengeluar minyak sawit mendapat 'durian runtuh' berikutan penjualan minyak itu di luar negara dengan menggunakan dolar.

"Kita tidak membuat keputusan untuk menaikkan, malah kita mendapati tidak ada sebab ia harus naik. Ini barangan dalam negeri, bukan import.

"Kita berasa dukacita kerana dia naikkan minyak masak, kerana kita tahu mereka yang mengeluarkan minyak ini untuk jualan keluar negara mendapat untung durian runtuh kerana kos mereka tidak naik di dalam negeri, sebaliknya harga pasaran di luar negara masih dalam mata wang asing... tinggi.

"Sepatutnya mereka berkorban sedikit untuk membekalkan rakyat tempatan dengan harga lama. Tapi, nampaknya mereka nak untung saja daripada masalah yang dihadapi negara.

"Mereka hanya tahu soal keuntungan mereka saja dan tidak mahu membuat sedikitpun pengorbanan, sedangkan mereka untung banyak," katanya.

Menjawab soalan bahawa pengeluar minyak sawit membeli kelapa sawit daripada peladang dalam harga dolar Amerika berikutan harganya tertakluk di bawah pasaran komoditi dunia yang berasaskan mata wang berkenaan, Dr Mahathir berkata:

"Pasal apa mereka nak beli dengan dolar, pasal apa dia nak jual dalam negeri pada harga dolar.

"Dia tak guna dah ringgit kita, dia tak percaya dengan ringgit kita.

"Dulu dia jual dengan harga apa? Ini kaut untung berlebihan," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui kerajaan sedar syarikat penapis minyak sawit terpaksa membeli dengan harga tinggi berikutan pengeluar lebih suka mengeksport daripada menjual dalam negara.

"Kita akan menyelidik dan kalau kita dapati (berlaku), kita akan adakan undang-undang untuk mengenakan tindakan terhadap mereka yang mencari keuntungan berlebihan, mengambil kesempatan daripada masalah yang dihadapi negara dan rakyat negara ini," katanya.

Dr Mahathir memberi amaran kepada peniaga supaya menurunkan semula semua harga barangan, bukan sekadar minyak masak, sekiranya tidak mahu dikenakan tindakan tegas oleh pihak berkuasa.

Amaran Perdana Menteri turut membabitkan pekedai yang menjual stok lama pada harga baru.

"Ini yang membuat negara kita akhirnya terpaksa tunduk kepada orang lain kerana mereka ini sama... nak cari keuntungan berlebihan bagi diri sendiri," katanya.

Menjawab soalan mengenai kenaikan harga yang sukar dibendung ketika perayaan berkembar, Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina, Dr Mahathir berkata:

"Itu kenaikan biasa, kita tahu. Tapi yang ini (kenaikan sekarang) tidak ada sebab. Kita tahu siapa yang ambil untung lebih.

(END)